**1223/1**
**Pendidikan Islam**
**Kertas 1**
**Mei/Jun 2016**
**dua jam**

# PENILAIAN KENDALIAN BERASASKAN SEKOLAH 2
# PERINGKAT PPD TUMPAT

## PENDIDIKAN ISLAM

## Kertas 1

## PERATURAN PEMARKAHAN

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan Pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta Panitia Pendidikan Islam. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan Pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan

***Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 8 halaman bercetak***

{Lihat sebelah

 © 2015 Hak Cipta PPD Tumpat

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | | | **C** | | | 21 | Kemanisan iman |
| | | | | | | | |
| 2 | | | **C** | | | 22 | ujud |
| | | | | | | | |
| 3 | | | | **D** | | 23 | Bertaubat |
| | | | | | | | |
| 4 | **A** | | | | | 24 | Menipu dan berbohong |
| | | | | | | | |
| 5 | | | | **D** | | 25 | Sembelihan |
| | | | | | | | |
| 6 | | **B** | | | | 26 | Akikah |
| | | | | | | | |
| 7 | | | **C** | | | 27 | Rukun haji |
| | | | | | | | |
| 8 | | **B** | | | | 28 | Wajib haji |
| | | | | | | | |
| 9 | | | **C** | | | 29 | Sabar mendengar rungutan/memahami keperitan pesakit |
| | | | | | | | |
| 10 | | | | **D** | | 30 | Khalifah Abu Jaafar Al Mansur |
| | | | | | | | |
| 11 | **A** | | | | | 31 | Ihya Ulumuddin |
| | | | | | | | |
| 12 | **A** | | | | | 32 | Umaiyah / Muawiyah |
| | | | | | | | |
| 13 | | | | **D** | | 33 | Perkahwinan / Musaharah / persemendaan |
| | | | | | | | |
| 14 | | **B** | | | | 34 | Memberi perlindungan/bantuan sekiranya mualaf |
| | | | | | | | |
| 15 | **A** | | | | | 35 | Kasih sayang |
| | | | | | | | |
| 16 | | | **C** | | | 36 | Imam al Ghazali |
| | | | | | | | |
| 17 | **A** | | | | | 37 | Takabur |
| | | | | | | | |
| 18 | | **B** | | | | 38 | wajib |
| | | | | | | | |
| 19 | | | | **D** | | 39 | makruh |
| | | | | | | | |
| 20 | | **B** | | | | 40 | Haram |
| | | | | | | | |

<table>
<tr><th>NO. SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>1 (a) (i)</td><td>DUA CONTOH KUFUR HAKIKAT<br>1.Tidak mengakui balasan di akhirat<br>2. Menolak hukum yang terdapat dalam al-Quran<br>3. Menyatakan solat fardhu merugikan masa<br>4. Menyatakan berpuasa Ramadhan melemahkan ekonomi<br>5. Mana-mana jawapan yang munasabah.</td><td>1 Isi x 2m =2m</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>FAKTOR BERLAKUNYA PERBUATAN KUFUR HAKIKAT DI KALANGAN SETENGAH UMAT ISLAM<br><br>1 Iman yang lemah.<br>2 Kurang pendidikan Islam<br>3 Terpengaruh dengan dorongan hawa nafsu<br>4 Kesempitan hidup/ kemiskinan<br>5 Tepengaruh dengan pujukan dan kesenangan dunia.<br>6 Mana-mana jawapan yang munasabah</td><td>2 Isi x 2 = 4m</td></tr>
<tr><td>(iii)</td><td>HADIS RASULULLAH SAW. YANG BERMAKSUD “ KEFAKIRAN HAMPIR MEMBAWA KEPADA KEKUFURAN”<br><br>Rubrikpenskoran<br><br><table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta sahaja</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta berserta huraian yang ringkas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta berserta huraian yang jelas ,lengkap serta disokong dengan hujah/dalil/peribahasa /kesan</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan fakta berserta huraian yang jelas dan lengkap, disokong dengan hujah/ kesan dan ada kesimpulan/rumusan/olahan menarik</td><td>4m</td></tr>
</table><br>Contoh Jawapan:<br>Pada pendapat saya maksud hadis tersebut ialah orang fakir boleh menjadi kufur kerana orang yang terlalu miskin boleh bertindak menukar agama/murtad (isi) kerana ada tawaran berbentuk kewangan, makanan dan sebangainya.(huraian) Hal ini berlaku kerana orang miskin mudah terpengaruh dengan tawaran dari agama lain seperti kristian untuk hidup senang. Perkara ini pernah berlaku di negara Islam yang terlalu miskin dan susah mencari makanan dan sanggup menukar agama kerana sesuap makanan (HL). Kesimpulannya sebagai umat Islam hendaklah menjadikan hadis ini sebagai pedoman dan sentiasa berusaha gigih untuk menjadi orang kaya yang sentiasa bersyukur kepada Allah SWT.</td><td></td></tr>
<tr><td>(b) (i)</td><td>SEBAB AL-QURAN SERING MENGGANDINGKAN LAFAZ IMAN DENGAN AMAL SOLEH<br>1. Orang yang banyak melakukan amal soleh menandakan imannya yang sangat teguh<br>2. Iman yang kuat mendorong seseorang melakukan amal solah.<br>3. Amal soleh yang ikhlas merupakan hasil daripada iman yang teguh.</td><td>1 x 2m= 2m</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **(ii)** | **DUA CIRI ORANG YANG BERTAMBAH IMAN**<br>1. Mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam tentang Allah dan Rasulnya.<br>2. Banyak melakukan ibadat sunat seperti qiamullai<br>3. Melazimi berzikir kepada Allah SWT.<br>4. Selalu berfikir tentang kebesaran Allah SWT. | 2 x 2m= 4m |
| | **(iii)** | **DUA KEBAIKAN ORANG YANG MEMILIKI IMAN YANG SENTIASA BERTAMBAH**.<br>1. Ketakwaan kepada Allah semakin meningkat.<br>2. Kecintaan kepada Allah dan Rasul semakin bertambah<br>3. Hatinya menjadi lembut, tenang dan damai.<br>4. Memiliki sifat saba rdant abah menghadapi ujian Allah.<br>5. Sentiasa bersyukur dengan nikmat kurniaan Allah.<br>6. Sentiasa menjauhi perkara maksiat<br>7. Mendapat ganjaran syurga Allah di akhirat nanti<br>8. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima | 2 x2m=4m<br><br>Fokus kepada Individu sahaja |
| **2 (a)** | **(i)** | **MAKSUD IBADAT HAJI IALAH**<br>Mengunjung Baitullah al-Haram di Mekah(1m)/ kerana mengerjakan ibadat tertentu (1m)/ pada masa tertentu (1m)/ dengan syarat tertentu(1m). | 2 x 1m =2m |
| | **(ii)** | **DUA MAKSUD BERKEMAMPUAN DALAM SYARAT WAJIB HAJI IALAH**<br>**1** Mampu menyediakan tambang dan segala perbelanjaan bagi mengerjakan haji.<br>**2** Mempunyai nafkah yang mencukupi untuk tanggungan yang ditinggalkan.<br>**3** Mempunyai kenderaan pergi dan balik.<br>**4** Selamat perjalanan pergi dan balik.<br>**5** Ada kesempatan masa<br>**6** Bagi perempuan hendaklah bersama mahram/ dua orang perempuan yang dipercayai./ isteri perlu mendapat izin suami. | 2 x 2 m = 4 m |

<table>
<tr><td>(iii)</td><td>IBADAT HAJI MAMPU MENJANA EKONOMI UMAT ISLAM<br><br>Rubrik penskoran<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan fakta sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang jelas dan lengkap, serta disokong dengan hujah / dalil / pribahasa./ kesan</td><td>3m</td></tr><tr><td>Menyatakan fakta beserta huraian yang jelas dan lengkap, serta disokong dengan hujah yang mantap dan bernas/kesan dan ada kesimpulan atau rumusan / olahan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><u>Contoh jawapan</u><br>Ibadat haji mampu menjana ekonomi umat Islam dengan melahirkan umat yang tekun berusaha untuk menyempurnakan rukun Islam yang kelima[.1m-isi] . Ini kerana untuk mengerjakan haji seseorang itu hendaklah mempunyai perbelanjaan mencapai tahap berkemampuan [1m-huraian]iaitu cukup untuk tambang pergi dan balik, perbelanjaan semasa di sana serta nafkah untuk tanggongan yang ditinggalkan di Tanah Air. [1h=huraian lengkap] Untuk memenuhi tuntutan mengerjakan kan haji ini sewajarnya setiap umat Islam perlu merancang dari awal dengan berusaha untuk meningkatkan pendapatan, menabong, berjimat cermat dan berbelanja dengan berhemah.[1m-rumusan]/ Jika ini dilaksanakan oleh setiap umat Islam sudah tentu ekonomi mereka akan mantap. [1m-kesimpulan.]</td><td>4m</td></tr>
<tr><td>2 (b) (i)</td><td>Maksudperkahwinan<br>Akad yang menggunakan lafaz nikah atau bahasa lain yang bermaksud nikah[1m]. bagi menghalalkan lelaki dan perempuan melakukan persetubuhan[1m]</td><td>2 x 1m=2m</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>DUA LANGKAH MENGATASI PERKAHWINAN YANG TIDAK MENGIKUT SYARIAT:<br>1 Ibubapa bertanggungjawab memastikan setiap perkahwinan itu sah mengikut syarak dan undang-undang keluaarga Islam.<br>2 Masyarakat perlu mengambil berat membenteras sebarang unsur tidak sihat dalam sesuatu perkahwinan<br>3 Pihak berwajib seperti Jabatan Agama Islam dan badan kerajaan perlu memperbanyakkan seminar dan kursus untuk memberi penjelasan tentang undang-undang keluarga Islam<br>4 Penguatkuasaan peraturan dan tindakan undang-undang oleh pihak berwajib ke atas mereka yang melanggar syariat dan undang-undang yang ditetapkan..<br>5 Guru berperanan memupuk kesedaran awal semenjak dibangku sekolah lagi.kepada pelajar tentang kepentingan sesebuah perkahwinan mengikut syariat .</td><td>2 x 2m =4m</td></tr>
<tr><td>(iii)</td><td>Contoh jawapan:<br>Sesebuah perkahwinan mampu mencegah seseorang dari melakukan maksiat (Isi-1m) Ini kerana akad nikah yang sah membawa kepada perhubungan yang halal antara lelaki dan perempuan termasuk persetubuhan (huraian =1m) Hubungan mereka tidak lagi dianggap dalam maksiat (1m) bahkan dalam redha Allah / berpahala (huraian =1m) Oleh kerana itu ibubapa berperanan penting memastikan anak-anak mereka sentiasa terpelihara dari maksiat dengan pasangan mereka dengan mengutamakan hukum syariat dari adat dalam sesuatu perkahwinan.</td><td>Rubrik :<br><br>4 markah<br><br>Isi = 1m<br>H = 1m<br>HL= 1m<br>K/OM = 1m</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | (Kesimpulan= 1m) | |

| | | |
|---|---|---|
| **3 (a) (i)** | **AMALAN PENGISYTIHARAN HARTA YANG DIAMALKAN PADA ZAMAN KHULAFA AL-RASYDIN DAPAT MELICINKAN PENGURUSAN PENTADBIRAN PADA MASA KINI**<br>**CONTOH JAWAPAN**<br>Amalan pengisytiharan harta dapat melicinkan pengurusan pentadbiran negara kerana ia dapat mengelakkan pegawai daripada melakukan rasuah(1m) / Gaya hidup pegawai yang melebihi pendapatan akan dapat dikesan (1m) / Impaknya pegawai tidak akan terikat dan terpengaruh penyalahgunaan kuasa / dan ketirisan dapat dielakkan / kebajikan akan terbela / keadilan dapat ditegakkan (1M) / Oleh itu usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan yang mewajibkan setiap penjawat awam melakukan pengisytiharan harta dapat melicinkan pentadbiran negara (1m).<br>**Catatan :**<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap (contoh/sebab/dalil/kesan) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan/rumusan/cadangan = 4m | [ 4 markah] |
| **(ii)** | **PROSEDUR PELANTIKAN PENJAWAT AWAM PADA ZAMAN KHULAFA AL-RASYIDIN SELAIN PENGISYTIHARAN HARTA MEMPUNYAI PERSAMAAN DENGAN PELANTIKAN PENJAWAT AWAM MASA KINI.**<br>**1.** Pelantikan berdasarkan kelayakan / kebolehan / kecekapan / kewibawaan.<br>**2.** Penyerahan surat watikah pelantikan<br>**3.** Perincian bidang tugas / punca kuasa / fail kuasa / fail meja / SOP<br>**4.** Pegawai kerajaan yang dilantik diberi gaji tetap. | [2x1m = 2 m] |
| **(b)** | **KEMUNGKINAN AKAN BERLAKU SEKIRANYA UMAT ISLAM HARI INI TIDAK MEMILIKI GELARAN HUJJATUL ISLAM.**<br>**CONTOH JAWAPAN**<br>Agama Islam mudah dipermain / diperlekeh / diperkotak-katikkan(1m) / kerana tiada individu yang mampu membela / berhujah mempertahankan Islam (1m) / Impaknya Islam bukan menjadi agama pilihan umat manusia / tidak diminati(1M) / Oleh itu kita hendaklah berusaha mempersiapkan diri dengan menguasai pelbagai bidang ilmu dan memiliki kepakaran dalam bidang ilmu fardhu ain serta kemahiran dalam berhujjah agar Islam dapat dipertahankan(1m).<br>**Catatan :**<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap (contoh/sebab/dalil/kesan) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan/rumusan/cadangan = 4m | [4 markah] |

| | | |
|---|---|---|
| **3.c.i** | **MAKSUD NEGARA**<br>- Kawasan tertentu yang didiami oleh masyaraka ttertentu/[1m] dan diperintah oleh sesebuah kerajaan./ [1m] | 2 x 1m = 2m |
| **(i)** | **DUA FAEDAH MENJAGA ADAB BERNEGARA**<br>**1** Negara akan bertambah maju<br>**2** Nama negara akan harum di mata dunia<br>**3** Negara dapat diselamatkan daripada ancaman musuh<br>**4** Politik negara akan stabil | 2 isi x 2m =4m |

| | | |
|---|---|---|
| **(ii)** | **Fungsi logo jalur gemilang.**<br><br>Contoh jawapan<br><br>Ialah kempen mengibarkan jalur gemilang./[Isi]Ia sepatutnya dilakukan oleh semua penduduk Malaysia. [Huraian] Ini akan membuktikan kecintaan dan semangat patriotik kepada negara Malaysia tercinta. /[Huraianlengkap] Impaknya kita dapat menghargai keamanan dan kesejahteraan berada di bumi bertuah ini../[Kesimpulan]<br><br>Rubrik:<br>Isi sahaja = 1<br>Isi + huraian ringkas = 2m<br>Isi + huraian lengkap (contoh/sebab/dalil/kesan/bukti) =3m<br>Isi + huraian lengkap + kesimpulan/rumusan/cadangan =4m | |
| **4 (a) (i)** | **BAGAIMANAKAH PERNYATAAN DI ATAS MENDORONG ANDA UNTUK MEREALISASIKAN KEGEMILANGAN LAMPAU AGAR HASRAT MALAYSIA MENJADI SEBUAH NEGARA MAJU TERCAPAI**.<br>**CONTOH JAWAPAN**<br>Saya akan mengamalkan ajaran Islam sepenuhnya dalam kehidupan saya (1m) / kerana dengan penghayatan Islam yang sepenuhnya akan menjadikan saya mempunyai jati diri yang tinggi dan semangat jihad yang mantap (2m) / Seterusnya memungkinkan saya mendalami ilmu dalam pelbagai bidang kepakaran dan kemahiran serta mampu mempelopori dan mengungguli bidang inovasi sesuai dengan tuntutan semasa. (3m)/ Oleh itu tuntutan modal insan bagi merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dapat dicapai. (4M).<br>**CATATAN :**<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap (contoh/sebab/dalil/kesan) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan/rumusan/cadangan = 4m | [4 markah] |

| | | |
|---|---|---|
| (ii) | **KESAN POSITIF KEGEMILANGAN KERAJAAN BANI UMAIYAH TERHADAP MASYARAKAT PADA ZAMAN TERSEBUT.**<br>**1.** Pemberontakan dalam negara dapat dihapuskan / negara berada dalam keadaaan aman / rakyat bersatu padu.<br>**2.** Dakwah Islam dapat berkembang tanpa gangguan.<br>**3.** Penguasaan pelbagai bidang ilmu secara meluas / semua aktiviti keilmuan.<br>**4.** Prasarana pendidikan dapat dibina dengan banyaknya.<br>**5.** Rakyat membudayakan ilmu dalam kehidupan.<br><br>**6.** Pembangunan negara dapat dijalankan dengan lancar.<br>**7.** Peluang pekerjaan yang banyak disediakan untuk rakyat.<br>**8.** Banyak kemudahan asas disediakan untuk kegunaan rakyat jelata.<br>**9.** Masyarakat sentiasa selamat daripada ancaman musuh.<br>**10.** Peluasan wilayah dapat dikembangkan hingga ke India, Afrika Utara dan lain-lain<br>**11.** Keadaan ekonomi berada pada tahap yang paling tinggi / maju.<br>**12.** Umat Islam bertamaddun / dipandang tinggi / dihormati. | [1x2m = 2 m] |

| | | |
|---|---|---|
| **(b)** | **KEMUNGKINAN AKAN BERLAKU SEKIRANYA UMAT ISLAM HARI INI MENGABAIKAN PENGHORMATAN TERHADAP HADIS SEBAGAIMANA YANG DITUNJUKKAN OLEH IMAM MALIK RAHIMAHULLAH**<br>**CONTOH JAWAPAN**<br>Umat Islam akan rasa hilang rasa kecintaan dan kasih sayang kepada Rasulullah SAW (1m) / yang menyebabkan mereka akan jauh dari ajaran Islam Islam / tidak menjadikan rasul sebagai ikutan (1m) / Impaknya ajaran Islam tidak dapat ditegakkan dalam kehidupan bermasyarakat i(1M) / Oleh itu kita hendaklah sentiasa berusaha menanamkan kecintaan kepada Rasulullah SAW dengan mendalami mutiara kata dari baginda iaitu mendalami hadis dengan penuh adab dan penghormatan. (1m).<br>**Catatan :**<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap (contoh/sebab/dalil/kesan) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan/rumusan/cadangan = 4m | [4 markah] |
| **4(c) (i)** | **DUA PERKARA YANG DILARANG KETIKA MENZIARAHI JENAZAH**<br>**1** Merasa kesal dengan kematian/seperti meraung dan meratap<br>**2** Membebankan keluarga jenazah dengan permintaan yang mereka tidak mampu/seperti meminta makanan<br>**3** Membuat perkara yang menyinggung perasaan keluarga jenazah/seperti menceritakan keburukan jenazah.<br>**4** Tidak redha dengan takdir Allah /seperti mempertikai kematian jenazah. | 2 isi x 2m =4m |
| **(ii)** | **PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN**<br>- Menasihatinya agar redha dengan ketentuan Allah.<br>- Memintanya agar bersabar dengan dugaan Allah.<br>- Membantu meringankan beban dalam hal pengurusan jenazah. | 1x 2 m = 2m |
| | | |

| | | |
|---|---|---|
| **(iii)** | Menghormat ijenazah bukan Islam menarik minat mereka kepada Islam.<br><br>Contohjawapan;<br><br>Islam menuntut kita meraikan semua manusia walaupun berbeza agama./ 1mMengucapkan takziah kepada keluarga simati akan meringankan bebanan jiwa akibat kehilangan orang yang disayangi sekaligus mengeratkan silaturahim./1mContohnya, Rasulullah SAW bangun, tunduk dan diam ketikajenazah orang Yahudi dibawa lalu di hadapan baginda./ 1mBenarlah ramai orang bukan Islam tertarik dengan Islam akibat keperibadian umat Islam yang halusini./ 1m<br><br>Rubrik:<br>Isi sahaja = 1m<br><br>Isi + huraian ringkas = 2m<br>Isi + huraian lengkap (contoh/sebab/dalil/ bukti /kesan/) =3m<br>Isi + huraian lengkap + kesimpulan/rumusan/cadangan =4m | 4 markah |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**